

SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXIV]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 27 JUN 2019

[No. 24

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK SERI PANGLIMA HASHIM BIN PAIJAN,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 157

[No. DUNS: (S) 600-8/1 (83)

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KELIMA BELAS
PENGAL KEDUA

PERISYTIHARAN


BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH adalah dengan ini memanggil Dewan Undangan Negeri Sabah supaya bersidang dan MENETAPKAN 5, 6, & 7 OGOS 2019 pada pukul sepuluh pagi sebagai tarikh dan masa bagi mengadakan MESYUARAT KEDUA dalam penggal KEDUA Dewan Undangan Negeri Sabah yang KELIMA BELAS bertempat di Dewan Mesyuarat, Aras 4, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 19 haribulan Jun 2019.

PERISYTIHARAN - (*samb.*)

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri Sabah.



Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

No. 158

[No. JPBN. (S)600-1/101 Klt.9

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH
(PENANAMAN SEMULA) 1952
(No. 8 tahun 1952)

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL
PERUSAHAAN GETAH
(SKIM NO. 6) 1981

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 8 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981, Saya, MAIZAL HAKIMAN BIN NAWAWI, Pengarah RISDA Negeri Sabah, dengan ini memberitahu notis bahawa Daftar Permohonan-Permohonan Untuk Bantuan-Bantuan Tanam Semula Kebun-Kebun Kecil Getah Individu bagi tahun 2019 akan dibuka mulai dari 1 Januari 2019 dan ditutup pada 31 Disember 2019.

2. Permohonan hendaklah dibuat dalam borang yang ditentukan yang boleh didapati daripada:

- (i) Pejabat RISDA Negeri Sabah
- (ii) Pejabat RISDA Daerah-Daerah Kota Kinabalu, Kota Belud, Keningau, Semporna, Sandakan dan Beaufort.
- (iii) Pejabat RISDA Stesen Tuaran, Papar, Kota Marudu, Sipitang, Tawau, Tenom dan Telupid.
- (iv) Kakitangan Luar Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).
- (v) Portal Rasmi RISDA <http://www.risda.gov.my> pada pautan "Permohonan Bantuan Tanam Semula (TS Online)".

3. Permohonan yang tidak dibuat dalam borang yang ditentukan atau tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan atau yang tidak dibuat terhadap kebun kecil yang didaftarkan di bawah perenggan 7 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981, boleh dianggap sebagai pemohon-pemohon yang tidak dilayani.

Bertarikh 22 Mac 2019.

MAIZAL HAKIMAN BIN NAWAWI,
Pengarah RISDA Negeri Sabah.

[No. JPBN. (S)600-1/101 Klt.9

RUBBER INDUSTRY (REPLANTING) FUND ORDINANCE 1952
(No. 8 of 1952)

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY
(SCHEME NO. 6) REGULATIONS 1981

In exercise of the powers conferred by paragraph 8 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981, I, MAIZAL HAKIMAN BIN NAWAWI, State RISDA Director of State of Sabah hereby give notice that the Register of Applications for Individual Rubber Smallholders Replanting Grants for the year 2019 shall be opened from 1 January 2019 and shall be closed on 31 December 2019.

2. Application shall be made in the prescribed application forms obtainable from:

- (i) State RISDA Office at Sabah.
- (ii) District/ Division RISDA Office at Kota Kinabalu, Kota Belud, Keningau, Semporna, Sandakan and Beaufort.
- (iii) Station RISDA Office at Tuaran, Papar, Kota Marudu, Sipitang, Tawau, Tenom and Telupid.
- (iv) Field Staff of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA).
- (v) RISDA portal <http://www.risda.gov.my> click on "Permohonan Bantuan Tanam Semula (TS Online)".

RUBBER INDUSTRY (REPLANTING) FUND ORDINANCE 1952 - (*cont.*)

3. Application which is not made in the prescribed application forms or is not received within the prescribed period or is not made in respect of a smallholding registered under paragraph 7 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981 may be considered as an inadmissible application.

Dated: 22 March 2019.

MAIZAL HAKIMAN BIN NAWAWI,
RISDA State Director Sabah.

No. 159

[No. JKM(S) 100-6/14 JLD.9 (78)]

PELANTIKAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI SABAH

Seksyen 5(1), Enakmen Mahkamah Syariah 2004
(Enakmen No. 6 Tahun 2004)

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Seksyen 5(1) Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Enakmen No. 6 Tahun 2004), Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah melantik Yang Arif Tuan Ahmad bin Lakim sebagai Ketua Hakim Syarie di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah berkuat kuasa mulai 1 April 2019.

No. 160

[No. JKM(S) 100-10/165 JLD.4 (70)]

PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
LEMBAGA PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SABAH

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Seksyen 4(2) Enakmen Perbadanan Baitulmal, 1998 dan atas nasihat Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab tentang Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah melantik penama-penama yang tersebut di bawah ini sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah bagi tempoh tiga tahun seperti berikut:

| Bil. | Nama | Status | Tarikh Kuat kuasa |
|------|---|--------|---|
| 1. | Haji Khairan bin Untoh | Ahli | 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021 |
| 2. | Haris bin Alimudin | „ | „ |
| 3. | Peguam Besar Negeri | „ | 1 April 2019 hingga 31 Mac 2022 |
| 4. | Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan | „ | „ |
| 5. | Setiausaha Majlis Ugama Islam Sabah | „ | „ |

No. 161

[No. JKM(S) 100-22/4 KLT.3 (148)]

PELANTIKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH
LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH

Seksyen 5(2), Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, 1981

Adalah disiarkan untuk makluman umum bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Seksyen 5(2) Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, 1981, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah melantik penama-penama yang tersebut di bawah ini sebagai Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 2 Mei 2019 hingga 30 April 2022.

| <i>Bil.</i> | <i>Nama</i> | <i>Status</i> |
|-------------|--------------------------------------|---------------|
| 1. | Encik Nossil @ Sylvester bin Basayu | Ahli |
| 2. | Encik Donneysius bin Ansusu @ Ansuku | Ahli |

No. 162

[No. SPANS: 800-1/25/4/2/258]

KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Jifrin bin Mohamad secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G52 mulai 10 Januari 2019.

[No. SPANS: 800-1/28/4/2/137]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Van Kong @ Van Kong Tze Yien ke jawatan Jurutera, Gred J52 secara hakiki mulai 15 Januari 2019.

[No. SPANS: 800-1/25/4/2/258]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Rodius bin Timbong @ Timbuong secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G52 mulai 6 Mac 2018.

[No. SPANS: 800-1/25/4/2/258]

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah meluluskan kenaikan pangkat Encik Albanus Maluda secara hakiki ke jawatan Pegawai Pertanian, Gred G52 mulai 18 Disember 2018.

No. 163

[No. SPANS: 600-1/032852/159]

PELANTIKAN MENANGGUNG KERJA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah telah melantik Puan Senangati binti Datu Salikin untuk menanggung kerja jawatan Pegawai Tadbir, Gred N41 mulai 2 Oktober 2018 hingga 1 Januari 2019. Pelantikan menanggung kerja ini tertakluk kepada Peraturan 55, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Bahagian II.

No. 164

[No. KKT&P (UPP) : 100-1/10 (83)]

**ENAKMEN PEMAJUAN PERUMAHAN
(KAWALAN DAN PELESENAN) 1978**

(Sabah No. 24 Tahun 1978)

PERWAKILAN KUASA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 4(3) Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978, Saya, Hajah Masnah Matsalleh, Pengawal Perumahan memberi kuasa kepada Ab. Mennan bin Attan, seorang pegawai di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk menjalankan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi berkenaan dengan penyiasatan kesalahan-kesalahan dan penguatkuasaan Enakmen ini.

Bertarikh di Kota Kinabalu 9 Mei 2019.

HAJAH MASNAH MATSALLEH,
Pengawal Perumahan.

[No. KKT&P (UPP) : 100-1/10 (83)]

**HOUSING DEVELOPMENT
(CONTROL AND LICENSING ENACTMENT) 1978**

(Sabah No. 24 of 1978)

DELEGATION OF POWER

In exercise of the power conferred by section 4(3) of the Housing Development (Control and Licensing) 1978, I, Hajah Masnah Matsalleh, the Controller of Housing delegate power to Ab. Mennan bin Attan, an officer in the Ministry of Local Government and Housing to perform the power and functions in respect of investigations of offences and enforcement of this Enactment.

Dated at Kota Kinabalu on 9th May, 2019.

HAJAH MASNAH MATSALLEH,
Controller of Housing.

No. 165

[No. KKT&P (UPP) : 100-1/10 (83)]

**ENAKMEN PEMAJUAN PERUMAHAN
(KAWALAN DAN PELESENAN) 1978**

(Sabah No. 24 Tahun 1978)

PERWAKILAN KUASA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 4(3) Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978, Saya, Hajah Masnah Matsalleh, Pengawal Perumahan memberi kuasa kepada Asni @ Rozlie bin Ibrahim, seorang pegawai di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk menjalankan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi berkenaan dengan penyiasatan kesalahan-kesalahan dan penguatkuasaan Enakmen ini.

Bertarikh di Kota Kinabalu 9 Mei 2019.

HAJAH MASNAH MATSALLEH,
Pengawal Perumahan.

[No. KKT&P (UPP) : 100-1/10 (83)]

**HOUSING DEVELOPMENT
(CONTROL AND LICENSING ENACTMENT) 1978**

(Sabah No. 24 of 1978)

DELEGATION OF POWER

In exercise of the power conferred by section 4(3) of the Housing Development (Control and Licensing) 1978, I, Hajah Masnah Matsalleh, the Controller of Housing delegate power to Asni @ Rozlie bin Ibrahim, an officer in the Ministry of Local Government and Housing to perform the power and functions in respect of investigations of offences and enforcement of this Enactment.

Dated at Kota Kinabalu on 9th May, 2019.

HAJAH MASNAH MATSALLEH,
Controller of Housing.

No. 166

[No. KKT&P (UPP) : 100-1/10 (83)]

**ENAKMEN PEMAJUAN PERUMAHAN
(KAWALAN DAN PELESENAN) 1978**

(Sabah No. 24 Tahun 1978)

PERWAKILAN KUASA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 4(3) Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978, Saya, Hajah Masnah Matsalleh, Pengawal Perumahan memberi kuasa kepada Sadan bin Hussain, seorang pegawai di Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk menjalankan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi berkenaan dengan penyiasatan kesalahan-kesalahan dan penguatkuasaan Enakmen ini.

Bertarikh di Kota Kinabalu 9 Mei 2019.

HAJAH MASNAH MATSALLEH,
Pengawal Perumahan.

[No. KKT&P (UPP) : 100-1/10 (83)]

**HOUSING DEVELOPMENT
(CONTROL AND LICENSING ENACTMENT) 1978**

(Sabah No. 24 of 1978)

DELEGATION OF POWER

In exercise of the power conferred by section 4(3) of the Housing Development (Control and Licensing) 1978, I, Hajah Masnah Matsalleh, the Controller of Housing delegate power to Sadan bin Hussain, an officer in the Ministry of Local Government and Housing to perform the power and functions in respect of investigations of offences and enforcement of this Enactment.

Dated at Kota Kinabalu on 9th May, 2019.

HAJAH MASNAH MATSALLEH,
Controller of Housing.

No. 167

[No. JKM. PHB. 600-2/3/229(17)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 3(1) Bab 69 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa pada pendapatnya tanah-tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan dengan ini pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu, untuk Laluan Pemasangan Paip Air Kg. Lalasun, Sandakan.

No. Pelan 907300014/1-4 yang menunjukkan kawasan yang hendak diambil boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Sandakan, pada waktu biasa pejabat.

JADUAL

| <i>Bil.</i> | <i>Pemilik</i> | <i>No. Hakmilik</i> | <i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i> | <i>Tempat</i> | <i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i> |
|-------------|--|---------------------|---------------------------------------|--------------------------|--|
| 1. | Lai Kim Siam Liew Vui Yin | NT. 075409460 | 6.011 | Kg. Lalasun, Sandakan | 0.061 |
| 2. | Fatimah @ Masnah binti Niang @ Nusul | NT. 075395934 | 5.952 | | „ |
| 3. | Fatimah @ Masnah binti Niang @ Nusul | NT. 075409479 | 4.323 | „ | 0.041 |
| 4. | Mohidin bin Sagap | NT. 073019388 | 5.977 | „ | 0.270 |
| 5. | Pun Ngit Chee @ Antony Fong Nyuk Chee | NT. 073028092 | 6.098 | „ | 0.043 |
| 6. | Pun Ngit Chee @ Antony Fong Nyuk Chee | NT. 073028109 | 5.730 | „ | 0.047 |
| 7. | Super Standard (Sabah) Sdn. Bhd. | NT. 075371523 | 5.807 | „ | 0.311 |
| 8. | Sam Yew Sum sang | NT. 075371470 | 6.022 | „ | 0.130 |
| 9. | Fatimah binti Siat @ Radipah binti Siat Norita binti Nicholas Jeffry Nicholas Sabarina binti Nicholas Dana | NT. 073017642 | 6.244 | „ | 0.423 |

JADUAL - (samb.)

| <i>Bil.</i> | <i>Pemilik</i> | <i>No. Hakmilik</i> | <i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i> | <i>Tempat</i> | <i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i> |
|-------------|--------------------------|---------------------|---------------------------------------|-----------------------|--|
| 10. | Aris bin Tugimin @ Awang | NT. 073022518 | 4.427 | Kg. Lalasun, Sandakan | 0.394 |
| 11. | Mahmud bin Sudin | NT. 073022527 | 4.143 | „ | 0.153 |

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 7 Mei 2019.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/3/229(17)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DECLARATION UNDER SECTION 3

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 3(1) of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby declares that he considers that the lands set out in the Schedule hereto should be acquired for a public purpose, that is to say, for Water Pipeline Installation Route Kg. Lalasun, Sandakan.

Plans No. 907300014/1-4 showing the area to be acquired may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu, or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Sandakan, during normal office hours.

LAND ACQUISITION ORDINANCE

SCHEDULE - (cont.)

| <i>No.</i> | <i>Owner(s)</i> | <i>Title No.</i> | <i>Area on Title in Hectare(s)</i> | <i>Locality</i> | <i>Area to be Acquired Hectare(s)</i> |
|------------|--|------------------|--|---------------------------|---|
| 1. | Lai Kim Siam Liew Vui Yin | NT. 075409460 | 6.011 | Kg. Laldasun, Sandakan | 0.061 |
| 2. | Fatimah @ Masnah binti Niang @ Nusul | NT. 075395934 | 5.952 | „ | 0.069 |
| 3. | Fatimah @ Masnah binti Niang @ Nusul | NT. 075409479 | 4.323 | „ | 0.041 |
| 4. | Mohidin bin Sagap | NT. 073019388 | 5.977 | „ | 0.270 |
| 5. | Pun Ngit Chee @ Antony Fong Nyuk Chee | NT. 073028092 | 6.098 | „ | 0.043 |
| 6. | Pun Ngit Chee @ Antony Fong Nyuk Chee | NT. 073028109 | 5.730 | „ | 0.047 |
| 7. | Super Standard (Sabah) Sdn. Bhd. | NT. 075371523 | 5.807 | „ | 0.311 |
| 8. | Sam Yew Sum sang | NT. 075371470 | 6.022 | „ | 0.130 |
| 9. | Fatimah binti Siat @ Radipah binti Siat Norita binti Nicholas Jeffry Nicholas Sabarina binti Nicholas Dana | NT. 073017642 | 6.244 | „ | 0.423 |
| 10. | Aris bin Tugimin @ Awang | NT. 073022518 | 4.427 | „ | 0.394 |
| 11. | Mahmud bin Sudin | NT. 073022527 | 4.143 | „ | 0.153 |

Dated at Kota Kinabalu, this 7th day of May, 2019.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah.

No. 168

[No. JKM. PHB. 600-2/1/524(80)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 3(1) Bab 69 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa pada pendapatnya tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan dengan ini hendaklah diambil bagi maksud awam, iaitu, untuk Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah - (WP27) Menaik Taraf Jalan dan Kg Lo M ke Mile 32, Sandakan.

No. Pelan 907300021 yang menunjukkan kawasan yang hendak diambil boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Sandakan, pada waktu biasa pejabat.

JADUAL

| <i>Bil.</i> | <i>Pemilik</i> | <i>No. Hakmilik</i> | <i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i> | <i>Tempat</i> | <i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i> |
|-------------|---|---------------------|---|---------------|--|
| 1. | Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar | CL. 075472776 | 24.280 | Sandakan | 0.090 |

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 7 Mei 2019.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/524(80)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

DECLARATION UNDER SECTION 3

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 3(1) of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby declares that he considers that the lands set out in the Schedule hereto should be acquired for a public purpose, that is to say, for the Pan Borneo Highway Sabah Project - (WP27) Upgrading of Road from Kg Lot M to Mile 32, Sandakan.

Plans No. 907300021 showing the area to be acquired may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu, or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Sandakan, during normal office hours.

SCHEDULE

| <i>No.</i> | <i>Owner(s)</i> | <i>Title No.</i> | <i>Area on Title in Hectare(s)</i> | <i>Locality</i> | <i>Area to be Acquired Hectare(s)</i> |
|------------|---|------------------|------------------------------------|-----------------|---------------------------------------|
| 1. | Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar | CL. 075472776 | 24.280 | Sandakan | 0.090 |

Dated at Kota Kinabalu, this 7th day of May, 2019.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah.

No. 169

[No. JKM. PHB. 600-2/196/(34)]

ENAKMEN LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH 1981
(Enakmen No. 17 tahun 1981)

MELETAKHAK TANAH KERAJAAN KEPADA
LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH
DI BAWAH SEKSYEN 75

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 75(1) dan (2) Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981, Yang di-Pertua Negeri dengan ini meletakkan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersamaan dengan ini kepada Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah mulai dari 7 Mei 2019 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (1) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah akan menyerahkan tanah tersebut kepada Yang di-Pertua Negeri pada bila-bila masa jika diarah untuk berbuat demikian;

Kecuali di mana sebahagian daripada tanah tersebut telah dijual, dipajak atau diberimilik atau telah diuruskan cara lain, sebarang penyerahan ke atas tanah tersebut kepada Yang di-Pertua Negeri hendaklah terakluk kepada hakmilik pada orang-orang yang memperoleh hak atau kepentingan daripada Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah;
- (2) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah tidak akan menjual, memajak atau sekiranya memberimilik tanah tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang di-Pertua Negeri; dan
- (3) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah akan membayar kepada Kerajaan Negeri sewa tahunan terhadap tanah tersebut dengan kadar yang ditetapkan oleh Pengarah Tanah dan Ukur bermula dari 10 Jun 2019 dan kemudiannya sewa tahunan akan dibayar mengikut kadar yang akan ditetapkan oleh Pengarah Tanah dan Ukur dari semasa ke semasa.

JADUAL

| <i>Tempat</i> | <i>Daerah</i> | <i>Perihal No. Lot Ukur</i> | <i>No. Pelan</i> | <i>Luas Kawasan Lebih Kurang</i> |
|---------------|---------------|---------------------------------|------------------|--------------------------------------|
| Tawau | Tawau | 10200340 | 910900009 | 10.501 hektar |

Kawasan seluas lebih kurang 10.501 hektar yang dilukis di dalam No. Pelan 910900009 adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

ENAKMEN LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH 1981
(Enakmen No. 17 tahun 1981) - (*Samb.*)

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 7 Mei 2019.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/196/(34)]

SABAH PORTS AUTHORITY ENACTMENT 1981
(Enactment No. 17 of 1981)

STATE LAND VESTED IN THE SABAH PORTS AUTHORITY
UNDER SECTION 75

In exercise of the powers conferred upon him the Yang di-Pertua Negeri by subsections 75(1) and (2) of the Sabah Ports Authority Enactment 1981, the State Land described in the Schedule hereto is hereby vested to the Sabah Ports Authority with the effect from 7th May 2019 subject to the following and conditions:-

- (1) The Sabah Ports Authority shall surrender the said land to the Yang di-Pertua Negeri at any time when called upon to do so,

Provided that where any part of the said land has been sold, leased or alienated or otherwise dealt with in any manner, any surrender of such land to the Yang di-Pertua Negeri shall be subject to the rights of any persons deriving title or interest from the Sabah Ports Authority;
- (2) The Sabah Ports Authority shall not sell, lease or otherwise alienate the said land without prior written approval of the Yang di-Pertua Negeri; and
- (3) The Sabah Ports Authority shall pay to the State Government an annual rent in respect of the said land at a rate to be determined by the Director of Lands and Surveys, commencing from 10th June 2019 and thereafter, the rent payable shall be at such rate as may be determined by Director of Lands and Surveys from time to time.

SCHEDULE

| <i>Locality</i> | <i>District</i> | <i>Description Survey Lot No.</i> | <i>Plan No.</i> | <i>Approximate Area</i> |
|-----------------|-----------------|---------------------------------------|-----------------|-------------------------|
| Tawau | Tawau | 10200340 | 910900009 | 10.501 hectares |

SABAH PORTS AUTHORITY ENACTMENT 1981 - (*cont.*)

An area of approximately 10.501 hectares delineated on Plan No. 910900009 is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 7th day of May, 2019.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah.

REPEATED NOTIFICATIONS

No. 149

[No. JKM. PHB. 600-2/1/586(18)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 4

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa mana-mana tanah yang ditunjukkan atas No. Pelan 922400008/1-4 mungkin akan dikehendaki bagi suatu maksud awam, iaitu untuk Projek Menaik Taraf Jalan Kg Sungoi Laut, Kota Marudu; oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 4 Ordinan Pengambilan Tanah Bab 69 Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengumumkan bahawa tanah-tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan dengan ini mungkin dikehendaki bagi maksud yang pada pendapat Yang di-Pertua Negeri, adalah suatu maksud awam.

Pelan yang disebut di atas boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kota Marudu, pada waktu biasa pejabat.

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)
ORDINAN PENGAMBILAN TANAH - (*samb.*)

JADUAL

| <i>Bil.</i> | <i>Pemilik</i> | <i>No. Hakmilik</i> | <i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i> | <i>Tempat</i> | <i>Anggaran Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i> |
|-------------|---|---------------------|---------------------------------------|---------------|---|
| 1. | Fokasrama Sdn Bhd, Borneo Samudera Sdn Bhd | PL. 226290115 | 2182.280 | Kota Marudu | 2.150 |
| 2. | Puyah binti Tapa Okong binti Lagan Saman bin Lagan Adzman bin Lagan | NT. 223100267 | 4.119 | „ | 0.014 |
| 3. | Setili @ Sotileh binti Sikul | NT. 223100329 | 5.908 | „ | 0.083 |
| 4. | Steve Jose Mardona Rejolin | NT. 223100409 | 1.728 | „ | 0.172 |
| 5. | Kindayap binti Sogintau Ambak binti Mindungan | NT. 223121588 | 1.600 | „ | 0.012 |

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 7 Mei 2019.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Ketua Menteri Sabah.

[No. JKM. PHB. 600-2/1/586(18)]

LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

NOTIFICATION UNDER SECTION 4

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that any land as shown on Plans No. 922400008/1-4 are likely to be required for a public purpose, that is to say for the Upgrading of Kg Sungoi Laut Road Project, Kota Marudu; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 4 of the Land Acquisition Ordinance Cap 69 the Yang di-Pertua Negeri hereby notifies that the lands set out in the Schedule hereto are likely to be required for a purpose, which in the opinion of the Yang di-Pertua Negeri, is a public purpose.

The Plans referred to above may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu, or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Kota Marudu, during normal office hours.

SCHEDULE

| <i>No.</i> | <i>Owner(s)</i> | <i>Title No.</i> | <i>Area on Title in Hectare(s)</i> | <i>Locality</i> | <i>Approximate Area to be Acquired Hectare(s)</i> |
|------------|--|------------------|--|-----------------|---|
| 1. | Fokasrama Sdn Bhd, Borneo Samudera Sdn Bhd | PL. 226290115 | 2182.280 | Kota Marudu | 2.150 |
| 2. | Puyah binti Tapa Okong binti Lagan Saman bin Lagan Adzman bin Lagan | NT. 223100267 | 4.119 | „ | 0.014 |
| 3. | Setili @ Sotileh binti Sikul | NT. 223100329 | 5.908 | „ | 0.083 |
| 4. | Steve Jose Mardona Rejolin | NT. 223100409 | 1.728 | „ | 0.172 |
| 5. | Kindayap binti Sogintau Ambak binti Mindungan | NT. 223121588 | 1.600 | „ | 0.012 |

REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)
LAND ACQUISITION ORDINANCE - (cont.)

Dated at Kota Kinabalu, this 7th day of May, 2019.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL,
Chief Minister of Sabah.

No. 150

[No. JKM. PHB. 600-2/5/79/(16)]

ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

Bab 69

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 3(1) Bab 69 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa pada pendapatnya tanah-tanah yang dinyatakan dalam Jadual bersamaan dengan ini hendaklah diambil bagi maksud awam, iaitu, Pembinaan Talian Penghantaran 275KV SESB dari PMU Kimanis ke Cadangan PMU Sipitang, Beaufort.

No. Pelan 917300017 dan 917300022 yang menunjukkan kawasan yang hendak diambil boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Beaufort, pada waktu biasa pejabat.

JADUAL

| <i>Bil.</i> | <i>Pemilik</i> | <i>No. Hakmilik</i> | <i>Luas Kawasan Hakmilik (Hektar)</i> | <i>Tempat</i> | <i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Hektar)</i> |
